

Kelas ‘online’, hapus persepsi subjek susah

Matematik atau Sains selalu dilihat sebagai subjek yang sukar untuk dikuasai. Justeru tidak hairan jika ada murid yang tertidur di dalam kelas malah ada yang langsung gagal dalam mata pelajaran itu.

Bagi guru Matematik, Mohd Fadli Sal-leh, 38, subjek berkenaan bukanlah susah tetapi kaedah pengajaran dan pembelajaran seharusnya mampu menarik minat murid tidak mengira sama ada ia kelas secara bersemuka atau dalam talian.

Mohd Fadli adalah antara pendidik yang memanfaatkan media sosial dengan mengadakan kelas Matematik secara dalam talian bagi murid sekolah rendah melalui Facebook. Tontonan video subjek Matematik yang diajar beliau mampu mencakar 20,000 orang setiap kali bersiaran secara langsung.

Katanya, walaupun sekolah secara bersemuka sudah bermula, beliau kekal mengajar di laman sosial kerana ingin membantu murid yang lemah selain memadam persepsi sesuatu subjek itu misalnya Matematik adalah susah dan sukar dikuasai.

“Pertamanya, saya adakan kelas secara langsung di Facebook bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik berikutkan murid tidak dapat ke sekolah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Sejak itulah, saya giat mengadakan kelas Matematik secara langsung dan ia mendapat sambutan baik daripada ibu bapa serta pelajar di seluruh negara,” katanya kepada BH Pendidikan, di sini.

Katanya, selain memastikan pengajaran Matematik dibuat mengikut silih-silih, beliau juga menyuntik elemen kecindiran serta mempelajari beberapa halah magik bagi memastikan pelajar terus fokus.

“Sebagai seorang pendidik, saya gemira ini tidak hanya menyebabkan pelajar seronok mempelajari subjek ini malah membantu mereka memperoleh keputusan lebih baik,” katanya.

Selain menerima murid Malaysia, kelas secara dalam talian Mohd Fadli turut diikuti pelajar di United Kingdom, Dubai dan Belgium.

Mohd Fadli berkata, kelas secara maya menggunakan media sosial mempunyai banyak kelebihan termasuk mudah diakses memandangkan hampir semua termasuk pelajar memiliki akaun Facebook.

Bagi Guru Bahasa Melayu, Saliza Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Cikgu Zack Kirana yang popular di Instagram, beliau menggunakan media sosial itu

untuk menarik minat pelajar terhadap bahasa Melayu.

Pemegang Ijazah Sarjana Pengajian Melayu dari Universiti Malaya itu, mula memuat naik video berkaitan bahasa Melayu selepas melihat terlalu banyak kandungan tidak bermanfaat dikongsi di media sosial terutamanya ketika PKP, tahun lalu.

“Sebagai pendidik, saya risau dengan perkembangan itu jadi saya mula memuat naik video berkaitan bahasa Melayu bagi mengalih tumpuan pelajar kepada sesuatu yang lebih bermanfaat dan berilmiah.

“Tanpa disangka video panduan ejaaan, tatabahasa serta kuiz bahasa Melayu itu, bukan saja menarik minat pelajar malah golongan dewasa dan sebagai seorang guru, saya senang melihat perkembangan ini,” katanya.

Pencinta bahasa Melayu yang berpegang kepada prinsip bahasa jiwa bangsa ini berhasrat terus memanfaatkan platform media sosial bagi meningkatkan penghargaan pelajar terhadap bahasa Melayu serta memartabatkannya.

Katanya, beliau mahu melihat bahasa Melayu dihormati pelajar dan bukan dipelajari sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja.

“Saya obses dengan bahasa Melayu. Saya ingin tahu asal usul setiap perkataan bagi memudahkan ia diterangkan kepada pelajar.

“Jadi saya gembira melihat penggunaan Instagram bagi menarik minat pelajar ini mula membawakan hasil.

Menurut Saliza, bukan mudah untuk beliau menyesuaikan diri dengan kelas dalam talian terutamanya apabila kebanyakannya kelas diadakan dari rumah yang sebelum ini dikhususkan sebagai tempat beristirahat.

“Pendidik perlu bersedia melakukan perubahan memandangkan pelajar zaman ini sangat pantas dalam penguasaan teknologi.

“Sejujurnya saya bimbang melihat bagaimana gaya hidup melalui media sosial mempengaruhi pemikiran pelajar hari ini hingga ada yang merasakan pelajaran tidak penting.

Melalui pemerhatiannya, pelajar dilihat lebih berkeyakinan termasuk banyak mengajukan soalan berbanding dalam kelas berdepan.

Soalan diajukan pelajar melalui ruangan sembang ketika kelas berlangsung katanya, membolehkan beliau mengesan bahagian bermasalah yang sering dihadapi mereka dalam pembelajaran.

Pendidik perlu bersedia melakukan perubahan memandangkan pelajar zaman ini sangat pantas dalam penguasaan teknologi

Cikgu Zack Kirana
Guru Bahasa Melayu

